


Sinar Harian - Dewan Negara Lulus RUU Perbekalan 2019

 Rabu, Dis 19 2018

Dewan Negara lulus RUU Perbekalan 2019

**Memperuntukkan
RM314.5 bilion untuk
perbelanjaan
kerajaan bagi tahun
berkenaan.**

Sinar Harian 19/12/18

KUALA LUMPUR

Persidangan Dewan Negara semalam, meluluskan Rang Undang-undang (RUU) Perbekalan 2019 yang memperuntukkan sejumlah RM314.5 bilion untuk perbelanjaan kerajaan bagi tahun berkenaan.

RUU berkenaan yang diluluskan sebulat suara anggota Dewan Negara pada jam 8.30 malam semalam, dibahaskan lima hari

bermula 11 Disember lalu, sebelum digulung oleh setiap kementerian selama dua hari berakhir, semalam.

Terdahulu, Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Amiruddin Hamzah ketika menggulung perbincangan RUU itu berkata, penyumbang yang memberi sumbangan kepada tabung penyelenggaraan Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) juga layak mendapat potongan cukai.

Katanya penyumbang boleh menuntut potongan cukai berkenaan dengan syarat SJK itu telah mendapat kelulusan daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) bagi penubuhan Tabung Pembinaan Sekolah dan Tabung Sumbangan Awam sekolah.

"Penyumbang layak menuntut potongan cukai sehingga 10 peratus



AMIRUDDIN

bagi syarikat dan sehingga tujuh peratus bagi bukan syarikat sekiranya sebuah SJK itu telah mendapat kelulusan di bawah Subseksyen 44 (6) Akta Cukai

Pendapatan 1967 bagi penubuhan Tabung Pembinaan Sekolah dan Tabung Sumbangan Awam sekolah untuk tujuan pembelajaran dan pengajaran," katanya.

Sebelum ini, ketika pembentangan Belanjawan 2019 diumumkan, kesemua penyumbang kepada tabung penyelenggaraan sekolah kerajaan dan institut pengajian tinggi awam di bawah Kementerian Pendidikan layak menuntut potongan cukai ke atas sumbangan mereka dalam pengiraan cukai pendapatan mulai 1 Januari 2019.

Persidangan bersambung hari ini. - Bernama